

03/04/2002

Palestin minta Dr M guna pengaruh henti keganasan

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Selasa - Palestin hari ini menyuarakan harapannya agar Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menggunakan pengaruhnya menghubungi Presiden George W Bush bagi menekan Israel supaya menghentikan keganasan di wilayah yang diduduki.

Harapan itu disampaikan Menteri Luarnya, Farouk Kaddoumi dalam pertemuan kira-kira setengah jam dengan Perdana Menteri di pejabatnya di bangunan Parlimen di sini.

Dalam sidang akhbar di bilik hotelnya di Seri Kembangan di sini petang ini, Kaddoumi berkata Dr Mahathir memberi jawapan positif dan bersedia membantu Palestin termasuk menghubungi Bush serta Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan pemimpin negara Eropah.

Dalam pertemuan dengan Dr Mahathir, Kaddoumi turut memberi penerangan mengenai situasi terkini di Palestin termasuk ancaman terhadap pemimpin Palestin, Yasser Arafat yang kini dalam kepungan askar Yahudi. Katanya, keadaan di Ramallah sekarang sangat kritikal dan Arafat kini terputus hubungan dengan dunia luar kerana segalanya musnah berikutan serangan Israel sejak beberapa hari lalu.

Beliau sendiri, kata Kaddoumi, tidak tahu bagaimana keadaan sebenar Pengerusi Pertubuhan Pembebasan Palestin itu yang kini dalam "tahanan rumah" di kompleks ibu pejabatnya di Ramallah yang cuma tinggal dua bilik selepas hampir semua bangunan itu musnahkan tentera Yahudi.

"Kali terakhir saya menghubungi Arafat ialah 48 jam lalu ketika di Dubai dalam perjalanan ke sini dan saya bimbang keselamatannya. Semua keadaan ini, saya ceritakan kepada Dr Mahathir termasuk menunjukkan peta mengenai keadaan bumi Palestin yang diduduki serta apa yang sedang berlaku.

"Oleh itu kita meminta jasa baik Dr Mahathir menggunakan pengaruhnya dengan pentadbiran Amerika Syarikat, anggota majlis keselamatan PBB dan negara Eropah dalam usaha membantu rakyat Palestin serta mendesak Israel berundur.

"Dr Mahathir menyatakan beliau bersedia membantu. Kita menyerahkan kepadanya bagaimana usaha boleh dilakukan bagi mengakhiri keganasan Israel yang disokong Amerika Syarikat," katanya yang berlepas pulang selepas menghadiri Sesi Khas ICFM yang dirasmikan Dr Mahathir semalam.

Kaddoumi berkata, beliau turut meminta bantuan pengaruh Putra Arab Saudi ketika menemuinya pada sidang kemuncak Arab di Beirut baru-baru ini.

Kaddoumi berkata, tindakan askar Israel mengepung Arafat akan menyukarkan lagi usaha Palestin mengambil langkah seterusnya.

Sambil mengharapakan penyelesaian politik bagi menyelesaikan konflik Palestin-Israel itu, beliau berkata tentera rejim Zionis terbabit mesti berundur daripada wilayah yang diduduki Palestin dan menghentikan kepungan terhadap rakyatnya termasuk Arafat.

Ditanya bagaimana penyelesaian politik boleh dicapai dalam keadaan sekarang, beliau berkata ia amat bergantung kepada Amerika Syarikat menerusi PBB dengan tindakan pertama mengundurkan semua tentera Israel dari bumi Palestin.

"Strategi kami adalah berasaskan keamanan. Amerika Syarikat adalah penaja bersama inisiatif keamanan dan menjadi tanggungjawabnya bagi menjamin ini dipatuhi dengan berkesan.

"Harus diingat bahawa Israel diwujudkan oleh resolusi PBB dan tidak salah bagi badan dunia itu untuk melakukan yang sama terhadap Palestin," katanya.

Beliau berkata jika Israel tidak berundur, maka persoalannya ialah sama ada PBB boleh mengenakan sekatan terhadap rejim Zionis itu.

Inisiatif damai yang diluluskan pada Sidang Kemuncak Arab di Beirut baru-baru ini yang dianjurkan Arab Saudi antara lain mencadangkan pengunduran Israel dari semua wilayah Arab yang diduduki sejak Perang 1967 dan sebagai ganti, semua negara Liga Arab akan mengiktiraf Israel.

(END)